

PRIVACY POLICY

1. INTRODUCTION

The Diagnosis-Related Group payment mechanism (“**DRG**”) is a system developed and offered by ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (hereinafter referred to as, “**PHC**”, “we”, “us”, or “our”). The DRG allows participating insurance/takaful providers (“**ITOs**”) and healthcare providers / medical practitioners to access the DRG system to obtain the relevant DRG prices in order to provide the insured/person covered with benefits under MediAsas (“**MediAsas**”) issued by the ITOs. MediAsas allows you to seek healthcare services from participating healthcare providers under the cover of the terms of the MediAsas Policy/Takaful Certificate (“**MediAsas Cover**”) issued by your ITO under MediAsas. PHC reserves the right to modify or amend this Privacy Policy from time to time. The most recent version will be published on our website. If any material modifications are made to how we intend to use or disclose personal data, we will contact you accordingly to notify you, or where necessary, obtain your consent.

2. WHAT PERSONAL INFORMATION DO WE COLLECT AND WHY?

The types of personal data that we collect via the DRG system and MediAsas shall include but not be limited to national registration identity card number, date of birth, address, phone number, religion, marital status, race, occupation clinical diagnosis and/or any other information that you may have given your insurance/takaful provider for the provision of the insurance/takaful services under MediAsas. The DRG payment mechanism generally collects personal data that is voluntarily provided, but we may also collect your personal data, directly or indirectly, from your ITO provider, participating hospitals, clinics, other relevant healthcare facilities and/or the Ministry of Health Malaysia, third parties or medical practitioners where you have registered for MediAsas that requires this data, or otherwise where you consent, or as permitted or required by law. For those under MediAsas, information about you and your health is recorded when you sign up for MediAsas and/or when you receive benefits under the MediAsas to help with your healthcare and treatment. Information collected includes but is not limited to (1) details of health conditions and illnesses; (2) medicines and other treatments; and (3) records of health information which you shared with all medical practitioners under MediAsas.

3. USE AND DISCLOSURE OF PERSONAL INFORMATION

We process your personal data in the DRG system and under MediAsas for the following purposes:

During Pilot Period of MediAsas (from July 2026 until the full national rollout of MediAsas), or such extended period as may be applicable:

- (a) **Consumer Take Up and Experience:** Assess insured person/covered person’s understanding on the product and overall journey;
- (b) **Operations and Mechanisms:** Test end-to-end operational processes and achievement of turnaround time across the value chain;
- (c) **Data requirements:** Validate data requirements to support operational metrics across the value chain;
- (d) **DRG Payment Shadow Billing:** Support DRG payment shadow billing testing in preparation for MediAsas claims adjudication process after the national full launch of MediAsas.

After full National Rollout (expected in January 2027 or such extended period as may be applicable) of MediAsas:

- (a) **Full operation of the DRG system** - obtaining and validating data to support operational metrics across the value chain;
- (b) **Administering the DRG based payment system** for billing and adjudication purposes;
- (c) **Improving and upscaling the DRG system** for future needs;
- (d) **Generally for purposes of** administering and improving MediAsas.

We may process your personal data, including your health information, as an insured/person covered by the ITO providing services under the MediAsas, and disclose such personal data to the following third parties, as and when required, for the purposes set out above and/or for the refinement of the DRG system and MediAsas, as and when required:

- (a) Insurance/takaful providers and/or other parties involved in MediAsas;
- (b) Governmental departments and/or agencies, including the Ministry of Health Malaysia;
- (c) Regulatory and/or statutory bodies, including Bank Negara Malaysia; and/or
- (d) Such third parties as requested for or authorised by you or as required by law.

PHC shall keep all personal data and information in accordance with its documents retention policy.

4. SECURITY

Your personal data is treated as private and confidential information by PHC. We strive to ensure that your personal data, regardless of format, is protected and kept secure by providing security safeguards that are appropriate to the sensitivity of the information. We make every reasonable effort to protect your personal data from unauthorised access, release, use, loss and theft, disclosure, alteration by third parties or medical practitioners, copying or modification by physical and logical security procedures, confidentiality policies, and authorisation requirements, you should be aware there is always some risk involved in transmitting information over the Internet. As a result, PHC does not represent, warrant, or guarantee that personal data will be protected against loss, hacked, cybersecurity and ransomware attack, misuse or alteration and does not accept any liability for personal data submitted by you, nor for your or third parties’ use or misuse of personal data.

5. RECORD OF SYSTEM ACCESS AND USAGE

The DRG system collects your personal data when your personal data is sent by your insurance/takaful provider via the DRG system. We will store your Personal Data as defined above and other relevant and additional information in the DRG system. Once we have your personal data registered into the DRG system, PHC shall use this information for the purpose mentioned in the form.

6. ACCESS TO, CORRECTION OF AND LIMITING THE PROCESSING OF PERSONAL DATA

You have the right to request access to and to request correction of your personal data subject to the following and subject to provisions of the Personal Data Protection Act 2010: (a) you may make a data access request or a data correction request in writing to us; and (b)

we may refuse to comply with your data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.

You may, by sending us a written notice: (a) limit the processing of your personal data; and/or (b) withdraw your consent previously given to us (in full or in part) to the processing of your personal data, subject to any applicable legal restrictions and a reasonable duration of time for the withdrawal of consent to be effected. If you limit the processing or withdraw your consent to any or all use of your personal data, it may result in us being unable to process your personal data for any of the purposes set out in this Privacy Policy, which may affect your participation in MediAsas and may result in the MediAsas Cover being terminated.

You may contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data via the methods below:

Designation	Legal Executive
Telephone No.	(+603) 8687 2516
E-mail address	legal@protecthealth.com.my

DASAR PRIVASI

1. PENGENALAN

Mekanisme pembayaran Diagnosis-Related Group (“DRG”) ialah suatu sistem yang dibangunkan dan ditawarkan oleh ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai “PHC” atau “kami”). DRG membolehkan penyedia insurans/takaful yang mengambil bahagian (“ITO”) dan penyedia penjagaan kesihatan / pengamal perubatan untuk mengakses sistem DRG bagi mendapatkan harga DRG yang berkaitan untuk memberikan manfaat di bawah MediAsas (“MediAsas”) yang dikeluarkan oleh ITO kepada insured/orang yang dilindungi. MediAsas membolehkan anda mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan daripada penyedia penjagaan kesihatan yang mengambil bahagian di bawah perlindungan terma-terma Polisi/Sijil Takaful MediAsas (“Perlindungan MediAsas”) yang dikeluarkan oleh ITO anda di bawah MediAsas. PHC berhak untuk mengubah suai atau meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa. Versi terkini akan diterbitkan di laman web kami. Sekiranya sebarang pengubahsuaian material dibuat terhadap bagaimana kami berhasrat menggunakan atau menzahirkan data peribadi, kami akan menghubungi anda sewajarnya untuk memaklumkan anda, atau jika perlu, mendapatkan persetujuan anda.

2. APAKAH MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPUL DAN MENGAPA?

Jenis-jenis data peribadi yang kami kumpulkan melalui sistem DRG dan MediAsas termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor kad pengenalan pendaftaran negara, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, agama, status perkahwinan, bangsa, pekerjaan, diagnosis klinikal dan/atau apa-apa maklumat lain yang anda mungkin berikan kepada penyedia insurans/takaful anda bagi penyediaan perkhidmatan insurans/takaful di bawah MediAsas. Mekanisme pembayaran DRG secara umumnya mengumpul data peribadi yang diberikan secara sukarela, tetapi kami juga mungkin mengumpul data peribadi anda, secara langsung atau tidak langsung, daripada penyedia ITO anda, hospital yang mengambil bahagian, klinik, kemudahan penjagaan kesihatan lain yang berkaitan dan/atau Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak ketiga atau pengamal perubatan di mana anda telah mendaftar untuk MediAsas yang memerlukan data ini, atau selainnya di mana anda memberikan persetujuan, atau sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang. Bagi orang di bawah MediAsas, maklumat mengenai anda dan kesihatan anda direkodkan apabila anda mendaftar untuk MediAsas dan/atau apabila anda menerima manfaat di bawah MediAsas untuk membantu penjagaan kesihatan dan rawatan anda. Maklumat yang dikumpul termasuk tetapi tidak terhad kepada (1) butiran keadaan kesihatan dan penyakit; (2) ubat-ubatan dan rawatan lain; dan (3) rekod maklumat kesihatan yang anda kongsi dengan semua pengamal perubatan di bawah MediAsas.

3. PENGGUNAAN DAN PENZAHIRAN MAKLUMAT PERIBADI

Kami memproses data peribadi anda dalam sistem DRG dan di bawah MediAsas bagi tujuan-tujuan berikut:
Semasa Tempoh Rintis MediAsas (Julai 2026 hingga pelancaran nasional MediAsas) atau apa-apa tempoh lanjutan yang mungkin terpakai:

- (a) **Penerimaan dan Pengalaman Pengguna:** Menilai pemahaman orang insured/orang yang dilindungi terhadap produk dan keseluruhan perjalanan;

- (b) **Operasi dan Mekanisme:** Menguji proses operasi hujung ke hujung dan pencapaian masa pusing balik merentasi rantai nilai;
- (c) **Keperluan data:** Mengesahkan keperluan data bagi menyokong metrik operasi merentasi rantai nilai;
- (d) **Pengebilan Bayangan Pembayaran DRG:** Menyokong pengujian pengebilan bayangan pembayaran DRG sebagai persediaan untuk proses penghukuman tuntutan MediAsas selepas pelancaran penuh nasional MediAsas.

Selepas Pelancaran Nasional (dijangka pada Januari 2027 atau apa-apa tempoh lanjutan yang mungkin terpakai) MediAsas:

- (a) **Operasi penuh sistem DRG** - mendapatkan dan mengesahkan data bagi menyokong metrik operasi merentasi rantai nilai;
- (b) **Mentadbir sistem pembayaran berasaskan DRG** bagi tujuan pengebilan dan penghukuman;
- (c) **Menambah baik dan meningkatkan sistem DRG** untuk keperluan masa hadapan;
- (d) **Secara umumnya bagi tujuan** mentadbir dan menambah baik MediAsas.

Kami mungkin memproses data peribadi anda, termasuk maklumat kesihatan anda, sebagai insured/orang yang dilindungi oleh ITO yang menyediakan perkhidmatan di bawah MediAsas, dan menzahirkan data peribadi tersebut kepada pihak ketiga berikut, apabila diperlukan, bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas dan/atau bagi penambahbaikan sistem DRG dan MediAsas, apabila diperlukan:

- (a) Penyedia insurans/takaful dan/atau pihak-pihak lain yang terlibat dalam MediAsas;
- (b) Jabatan dan/atau agensi kerajaan, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (c) Badan-badan kawal selia dan/atau berkanun, termasuk Bank Negara Malaysia; dan/atau
- (d) Mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang diminta atau diberi kuasa oleh anda atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

PHC akan menyimpan semua data dan maklumat peribadi selaras dengan dasar penyimpanan dokumennya.

4. KESELAMATAN

Data peribadi anda dianggap sebagai maklumat sulit dan peribadi oleh PHC. Kami berusaha untuk memastikan bahawa data peribadi anda, tanpa mengira format, dilindungi dan disimpan dengan selamat dengan menyediakan langkah-langkah perlindungan keselamatan yang bersesuaian dengan sensitiviti maklumat tersebut. Kami membuat setiap usaha yang munasabah untuk melindungi data peribadi anda daripada akses, pelepasan, penggunaan, kehilangan dan kecurian, penzahiran, pengubahan oleh pihak ketiga atau pengamal perubatan, penyalinan atau pengubahsuaian tanpa kebenaran melalui prosedur keselamatan fizikal dan logik, dasar kerahsiaan, dan keperluan pemberikuasaan; anda harus menyedari bahawa sentiasa terdapat risiko tertentu yang terlibat dalam penghantaran maklumat melalui Internet. Oleh yang demikian, PHC tidak mengatakan, menjamin, atau memberi jaminan bahawa data peribadi akan dilindungi daripada kehilangan, digodam, serangan keselamatan siber dan perisian tebusan, penyalahgunaan atau pengubahan dan tidak menerima sebarang liabiliti bagi data peribadi yang dikemukakan oleh anda, mahupun bagi penggunaan atau penyalahgunaan data peribadi oleh anda atau pihak ketiga.

5. REKOD AKSES DAN PENGGUNAAN SISTEM

Sistem DRG mengumpul data peribadi anda apabila data peribadi anda dihantar oleh penyedia insurans/takaful anda melalui sistem

DRG. Kami akan menyimpan Data Peribadi anda sebagaimana yang ditakrifkan di atas dan maklumat lain yang berkaitan dan tambahan dalam sistem DRG. Sekiranya data peribadi anda didaftarkan ke dalam sistem DRG, PHC akan menggunakan maklumat ini bagi tujuan yang dinyatakan dalam borang tersebut.

6. AKSES KEPADA, PEMBETULAN DAN MENGEHADKAN

Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan data peribadi anda tertakluk kepada peruntukan berikut dan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010: (a) anda boleh membuat permintaan akses data atau permintaan pembetulan data secara bertulis kepada kami; dan (b) kami boleh enggan mematuhi permintaan akses data atau permintaan pembetulan data anda dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan kami dan sebab-sebab bagi keengganan kami.

Anda boleh, dengan menghantar notis bertulis kepada kami: (a) mengehadkan pemprosesan data peribadi anda; dan/atau (b) menarik balik persetujuan anda yang telah diberikan kepada kami (sepenuhnya atau sebahagiannya) untuk pemprosesan data peribadi anda, tertakluk kepada apa-apa sekatan undang-undang yang terpakai dan tempoh masa yang munasabah bagi penarikan balik persetujuan tersebut dilaksanakan. Sekiranya anda mengehadkan pemprosesan atau menarik balik persetujuan anda kepada apa-apa atau semua penggunaan data peribadi anda, ia mungkin menyebabkan kami tidak dapat memproses data peribadi anda bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, yang mungkin menjejaskan penyertaan anda dalam MediAsas dan mungkin mengakibatkan Perlindungan MediAsas ditamatkan.

Anda boleh menghubungi kami dengan sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan data peribadi anda melalui kaedah di bawah:

Jawatan	Eksekutif Undang-Undang
No. Telefon	(+603) 8687 2516
Alamat E-mel	legal@protecthealth.com.my